

BAB VII

KEDUDUKAN SRJK(C) DALAM AKTA PENDIDIKAN 1996

Era tahun-tahun 1990-an memperlihatkan negara kita sedang mengalami satu transformasi yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan akibat daripada peningkatan proses globalisasi dalam bidang ekonomi dan perdagangan antarabangsa. Selain itu, daya saing yang sengit akibat perkembangan sains, teknologi, telekomunikasi dan maklumat juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Perkembangan ini telah menimbulkan tuntutan baru terhadap sistem pendidikan kebangsaan kerana sistem pendidikan memainkan peranan utama dalam menentukan kejayaan wawasan negara. Justeru itu, sistem pendidikan kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 mestilah dimantapkan dan dikembangkan sesuai dengan hasrat dan cita-cita negara.

Dengan berlatarbelakangkan ini, kerajaan telah berusaha untuk menggubal akta pendidikan baru yang lengkap, kemaskini dan bersifat futuristik bagi menghadapi dan menangani cabaran dalam dekad tahun-tahun 1990-an dan abad ke-21. Untuk memenuhi kehendak itu, Akta Pendidikan 1996 telah digubal dan diluluskan. Dalam bab ini, perbincangan ditumpukan kepada penglibatan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan dalam proses penggubalan akta pendidikan baru serta kedudukan SRJK(C) dalam Rang Undang-Undang Pendidikan 1995.

SRJK(C) dan Rang Undang-Undang Pendidikan 1990

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan satu jawatankuasa tertinggi di peringkat kementerian untuk mengkaji semula kandungan Akta Pelajaran 1961 pada 13 Februari 1987.¹ Usaha kajian semula tersebut telah bermula sejak Februari 1987 dan melampaui penghujung tahun 1989.² Sungguhpun kajian ini dibuat di peringkat Kementerian, namun jawatankuasa telah menerima pelbagai cadangan dan memorandum daripada badan-badan pendidikan, pertubuhan politik, persatuan yang mewakili pelbagai kaum, budaya dan agama. Pandangan-pandangan ini diberi perhatian dan diambil kira untuk pertimbangan.³

Selepas segala bahan dirumuskan dan dikemukakan kepada pihak penentu dasar di peringkat Kementerian Pendidikan, draf awal itu dikaji dan dibincangkan oleh jawatankuasa penggubal dasar di peringkat Kementerian Pendidikan. Seterusnya jawatankuasa ini telah memutuskan supaya dimajukan kepada sebuah jawatankuasa tertinggi di peringkat Kabinet untuk diteliti hasil kajian dan

¹ Anggota Jawatankuasa Mengkaji Akta Pelajaran 1961 adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian (Pengerusi), Ketua Pengarah Pendidikan, Timbalan Ketua Setiausaha I, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II, Timbalan Ketua Setiausaha II, Pengarah Perancangan dan Penyelidikan (Setiausaha), Pengarah Sekolah-Sekolah, Pengarah Pendidikan Guru, Ketua Nazir Sekolah, Setiausaha Bahagian Pendidikan Tinggi, Pengarah Pendidikan Negeri Sabah, Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak dan Penasihat Undang-Undang; lihat Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.75, 27 Oktober 1987, hlm.35(12).

² Hussein Hj. Ahmad, Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan, DBP, Kuala Lumpur, 1993, hlm.360-361.

³ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua Jilid II, Bil.14, 25 Mac 1988, hlm. 2436.

perakuan baru secara terperinci. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju supaya satu jawatankuasa di peringkat Kabinet dibentuk bagi meneliti dan memberi pertimbangan kepada setiap syor dan cadangan.⁴

Setelah Jawatankuasa Kabinet membincang dan meninjau tiap-tiap syor, Jemaah Menteri membuat keputusan untuk menubuhkan Majlis Perundingan Akta Pendidikan (MPAP) bagi meneliti draft awal Rang Undang-Undang Pendidikan 1990 (RUUP 1990) serta memberi pandangan dan cadangan kepada kerajaan. Wakil-wakil pertubuhan pendidikan, golongan akademik dan profesional, pertubuhan masyarakat, belia, pelajar serta parti-parti politik komponen BN dan pembangkang telah dijemput menganggotai MPAP itu untuk membincangkan RUUP 1990 sebelum ia diluluskan oleh Kabinet.⁵ Langkah ini diambil untuk membuka peluang kepada semua pihak mengemukakan pandangan dan kritikan secara bersama dan kolektif. Peluang ini bertujuan untuk menghapuskan kebimbangan, syak wasangka serta keraguan terhadap tujuan benar rang undang-undang pindaan akta tersebut. Selain itu, MPAP juga bertujuan untuk mengelakkan daripada ia dipolitikkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan serta untuk mengelakkan setengah-setengah pihak dari menunjukkan minat hanya

⁴ Jawatankuasa Kabinet Mengenai Akta Pendidikan ini terdiri daripada Datuk Najib Tun Abdul Razak, Ng Cheng Kiat, Samy Vellu, Lim Keng Yaik, Stephen Yong Kuet Tze dan Kasitah Gaddam.

⁵ MPAP terdiri daripada 81 orang ahli yang mewakili pertubuhan-pertubuhan politik, agama, masyarakat akademik, profesional, pendidik dan persatuan alumni. Majlis ini telah mengadakan persidangan pertama pada 3 September 1990 dan telah mengadakan tujuh perkumpaan. DAP, PAS, PRM dan Semangat 46 telah menolak undangan Kementerian Pendidikan.

kepada satu dua bahagian dalam draf pindaan akta itu yang difikirkan mempunyai kepentingan kepada mereka.⁶

Sehubungan itu, 5 Hua Tuan yang terdiri daripada Dong Jiao Zong bersama-sama dengan Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Persekutuan Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan Malaysia dan Nanyang University Alumni Association of Malaya juga turut diundang untuk menyertai MPAP.⁷ Akan tetapi Dong Jiao Zong telah mengenakan beberapa syarat kepada pihak yang mengundang mereka, iaitu Kementerian Pendidikan. Di antara syarat-syarat tersebut ialah MPAP hendaklah dijalankan tanpa Akta Rahsia rasmi, wakil yang menghadiri MPAP tidak harus tunduk kepada syarat-syarat yang ditetapkan terlebih dahulu, misalnya Bahasa Malaysia akan menjadi bahasa pengantar utama di semua sekolah atau konsep agama Islam diutamakan dalam sistem pendidikan serta bahasa yang digunakan dalam MPAP tidak dihadkan kepada Bahasa Malaysia sahaja.⁸

Menurut Kementerian Pendidikan, syarat-syarat tersebut telah menunjukkan Dong Jiao Zong tidak menghormati peruntukan Perlembagaan

⁶ Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan kepada GPGSCM, 18 September 1990, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁷ KP.(Akta) 03/90/1(22), Surat dari Menteri Pendidikan En. Anwar Ibrahim, Merangkap Pengerusi MPAP kepada GPGSCM, 16 Ogos 1990; KP(Akta) 03/90/1(18), Surat dari Menteri Pendidikan En. Anwar Ibrahim, Merangkap Pengerusi MPAP kepada PPLPSCM, 16 Ogos 1990.

⁸ Fail GPGSCM/MPAP, Surat dari Foo Wan Thot, Pemangku Pengerusi PPLPSCM dan Sim Mow Yu, Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pendidikan Malaysia En. Anwar Ibrahim, 22 Ogos 1990.

Persekutuan mengenai kedudukan Bahasa Kebangsaan dan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini.⁹

Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim telah berulang-ulang kali mengkritik dan mengecam dengan keras terhadap Dong Jiao Zong. Misalnya, dalam satu perhimpunan di Kuala Lumpur pada 23 September 1990, Anwar Ibrahim mengecam bahawa “ada segenlintir golongan pendidik Cina di negara ini masih tidak mengikuti Perlembagaan Persekutuan dan tidak mahu menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta Islam sebagai agama rasmi, walaupun kita sudah mencapai kemerdekaan lebih 30 tahun”.¹⁰ Beliau juga menyifatkan surat yang dihantar oleh golongan pendidik tersebut kepada mereka sebagai “suatu tindakan biadap”, dan surat itu akan ditunjukkan sekiranya ada seseorang yang ingin mengesahkan perkara itu.¹¹

Dong Jiao Zong berasa amat kecewa dan kesal hati dengan sikap Anwar Ibrahim menjadikan Akta Pendidikan sebagai isu perkauman dan politik.¹² Gabungan pertubuhan tersebut mendakwa bahawa:

⁹ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Kelapan, 3 Disember 1990 Hingga 1 Mac 1991: Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.82.

¹⁰ Kenyataan PPLPSCM dan GPGSCM Mengenai Kecaman Menteri Pendidikan En. Anwar Ibrahim, 25 September 1990; Thung Pau, 24 September 1990.

¹¹ Ibid.

¹² Kenyataan Dong Jiao Zong mengenai bantahan terhadap Menteri Pendidikan En. Anwar Ibrahim menjadikan Akta Pendidikan sebagai isu perkauman dan politik, 29 Ogos 1990.

“...bukan sahaja Menteri Pendidikan tidak menjawab secara rasmi surat itu malah beliau berulang kali menggunakan sebagai bahan ucapan dan memutarbelitkan pendirian serta pandangan kami. Ini sangatlah kami kesali...Kami menyeru Encik Anwar Ibrahim supaya memberhentikan cemuhan seumpama itu dengan segera demi kebaikan jangka panjang dan demi perpaduan nasional. Jika tidak, kami tidak dapat tidak akan meragui keikhlasan Menteri berkenaan menjemput kami menyertai MPAP.”¹³

Namun demikian, serangan dan tuduhan Anwar Ibrahim terhadap Dong Jiao Zong bukan sahaja berterusan bahkan bertambah hebat. Pada 24 November 1990, semasa merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan-Persatuan Guru-Guru Melayu Semenanjung Malaysia di Kuala Lumpur, Anwar Ibrahim mengutuk GPGSCM kerana mengemukakan surat bantahan yang berturut-turut terhadap peruntukan RUUP 1990 kepadanya. Katanya, “ada segolongan bukan Melayu sedang mempergunakan isu Akta Pendidikan untuk menghasut sentimen perkauman demi mencapai matlamat membantah akta tersebut”.¹⁴

Sementara itu, semasa menjawab pertanyaan daripada Lim Kit Siang di Dewan Rakyat pada 8 Januari 1991, Anwar Ibrahim mengecam Dong Jiao Zong sebagai “tidak bertanggungjawab dan biadab” kerana dalam surat-surat mereka telah menyerang sikap dan dasar Kementerian. Misalnya menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama serta mengekalkan konsep agama Islam sebagai konsep yang utama dalam sistem pendidikan serta membantah cadangan

¹³ Kenyataan PPLPSCM dan GPGSCM Mengenai Kecaman Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim, 26 September 1990.

¹⁴ China Press, 25 November 1990.

untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa yang digunakan dalam MPAP. Selain itu, beliau juga mengutuk gabungan pertubuhan itu kerana menentang Dasar Pendidikan Kebangsaan serta mempertikaikan dasar bahasa dan tidak menghormati semangat sikap orang-orang Islam di negara ini yang hendak menjadikan agama Islam sebagai agama untuk mereka pelajari.¹⁵ Malahan Anwar Ibrahim membidas Dong Jiao Zong sebagai satu gabungan pelampau Cina yang menggunakan persatuan untuk menyerang Dasar Pendidikan Kebangsaan dan merendahkan kedudukan serta darjat kemuliaan bahasa di negara ini.¹⁶ Justeru itu beliau bertegas tidak akan meminta maaf atas segala tuduhannya terhadap Dong Jiao Zong.¹⁷

Selanjutnya, apabila merasmikan Pesta Pendidikan Universiti Malaya pada 7 Februari 1991 pula, Anwar Ibrahim sekali lagi mengkritik Dong Jiao Zong mempunyai “pemikiran perkauman yang sempit” dan dapat menjadi kuat kerana disokong oleh para intelek. Tambah beliau lagi, sikap Dong Jiao Zong ini adalah penghalang kepada perkembangan pendidikan di negara ini. Beliau bertegas bahawa cadangan dan pandangan kedua-dua persatuan itu tidak akan diterima oleh pihak kerajaan.¹⁸

¹⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.18, 8 Januari 1991, hlm. 22.

¹⁶ Ibid., hlm. 24.

¹⁷ Thung Pau, 9 Januari 1991.

¹⁸ Sin Chew Jit Poh, 3 Februari 1991.

Kecaman keras ke atas Dong Jiao Zong memperlihatkan keberanian dan kecekalan Menteri Pendidikan mempertahankan prinsip dan falsafah dasar pendidikan kebangsaan. Bagaimanapun bagi Dong Jiao Zong, tuduhan dan kecaman Anwar Ibrahim itu dianggap amat serius dan tidak munasabah khususnya semasa MPAP sedang dijalankan. Justeru itu, Dong Jiao Zong akhirnya memutuskan untuk tidak menghadiri Persidangan MPAP yang berlangsung pada 8 Februari 1991.¹⁹ Dalam suratnya kepada Menteri Pendidikan, Dong Jiao Zong memperjelaskan sekali lagi pendiriannya:

“Kami telahpun berulang-ulang kali menegaskan di dalam atau di luar MPAP bahawa kami menerima Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dalam masyarakat majmuk kita ini atas dasar tidak menghalangi perkembangan, pembelajaran dan pengajaran bahasa suku kaum lain di negara ini seperti yang termaktub dalam Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan itu.”²⁰

Sungguhpun Dong Jiao Zong bertikam lidah dengan Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim, namun perwakilan dari 5 Hua Tuan tersebut tetap menyertai mekanisme MPAP bagi mengemukakan hasrat dan pandangan masyarakat Cina. Pada keseluruhannya RUUP 1990 mendokong semangat dasar pendidikan kebangsaan yang termaktub dalam Laporan Razak, Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961. Mukadimah rang undang-undang tersebut dengan jelasnya

¹⁹ Walau bagaimanapun, sesudah Anwar Ibrahim menjelaskan bahawa beliau hanya mengatakan kerajaan tidak akan mempertimbangkan tuntutan dan pandangan yang melampaui sahaja, wakil-wakil Dong Jiao Zong menyertai semula Persidangan MPAP yang terakhir pada 7 Mac 1991.

²⁰ Fail GPGSCM/MPAP, Surat dari Yap Sin Tian dan Chin Choong Sang, Wakil PPLPSCM dan GPGSCM dalam MPAP kepada Menteri Pendidikan Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim, 8 Februari 1991, GPGSCM, Kuala Lumpur.

mempernyatakan prinsip-prinsip umum yang bercorak kebangsaan, iaitu dasar pendidikan Persekutuan adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang akan dilaksanakan melalui “suatu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama...”.²¹

Seperkara yang perlu ditegaskan ialah RUUP 1990 bukan sahaja mengekalkan status quo SRJK(C) dan SRJK(T) di dalam sistem pendidikan kebangsaan, tetapi juga mengambil langkah positif untuk memansuhkan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 bagi menghapuskan perasaan curiga terhadap kerajaan yang menerajui kepimpinan negara ini. Dalam hal ini, Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim telah mengumumkan berkali-kali bahawa salah satu prinsip utama yang digunakan dalam penggubalan akta pendidikan yang baru ialah mengambil kira kepentingan semua kaum di negara ini. Antara perkara yang selalu ditegaskan ialah kedudukan SRJK(C) dan SRJK(T) serta pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil akan dikekalkan.²²

Kementerian Pendidikan juga sering menegaskan bahawa “adalah menjadi dasar kerajaan bahawa kedudukan SRJK(C) dan SRJK(T) akan diteruskan dalam bentuknya sekarang selaras dengan hasrat kerajaan memenuhi keperluan semua

²¹ Malaysia, Rang Undang-Undang Pendidikan 1990, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur, 1990.

²² Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan kepada GPGSCM, 28 Februari 1990, GPGSCM, Kuala Lumpur.

kaum di negara ini”.²³ Sementara Timbalan Menteri Pendidikan Dr. Leo Michael Toyad pula memberi jaminan bahawa penggubalan akta pendidikan baru akan mengekalkan corak SRJK(C) dan SRJK(T) serta pengajaran bahasa-bahasa termasuk Bahasa Cina dan Bahasa Tamil”.²⁴

Memandangkan kerajaan tidak akan menggunakan peruntukan Seksyen 21(2) tersebut untuk mengubah corak atau aliran SRJK(C) dan SRJK(T), Anwar Ibrahim bersetuju bahawa peruntukan boleh ditiadakan.²⁵ Selain itu, kerajaan juga bersetuju untuk membatalkan Seksyen 26(A) Akta Pelajaran 1961 yang menyatakan Menteri berkuasa untuk membubarkan Lembaga Pengelola Sekolah bagi sekolah bantuan kerajaan. Bagaimanapun, perwakilan Melayu khususnya dalam MPAP telah menyuarakan bantahan keras terhadap pemansuhan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Mereka berpendapat bahawa pemansuhan seksyen tersebut akan menghalang tercapainya matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan dan mengecewakan aspirasi orang-orang Melayu.²⁶

²³ Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan kepada GPGSCM, 2 April 1991, GPGSCM, Kuala Lumpur.

²⁴ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh 16 Oktober Hingga 29 Disember 1989: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.7-8.

²⁵ “Akta Pendidikan memperkuatkan martabat Bahasa Melayu”, dalam Berita Kurikulum, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bil.2, Jld.3, Ogos 1990, hlm.4.

²⁶ “Komen Umum Di MPAP”, Teks ucapan Chin Choong Sang, wakil dan penasihat undang-undang GPGSCM di MPAP pada 11 September 1990, hlm.7.

Bagaimanapun, 5 Hua Tuan mengecam RUUP 1990 menganggap mukadimahnya sebagai satu alat yang bertujuan untuk melaksanakan dasar pendidikan kebangsaan yang bertunjangkan satu bahasa pengantar dan satu aliran sekolah.²⁷ Sebaliknya, mereka berpendapat bahawa sistem pendidikan kebangsaan haruslah berasaskan dasar keseragaman kurikulum dalam pelbagai bahasa pengantar yang sesuai dengan keadaan negara yang berbilang kaum dan bahasa.²⁸

Justeru itu 5 Hua Tuan mencadangkan prinsip dan falsafah yang terkandung dalam Rukunegara yang menunjukkan sifat “*cultural pluralism*” dan dasar “*multiculturalism*” harus dijadikan asas penggubalan Akta Pendidikan yang baru.²⁹ Selain itu, Dasar Pendidikan Kebangsaan yang tercatat dalam Perenggan 3 Ordinan Pelajaran 1957 yang memperakukan pembentukan satu sistem pendidikan kebangsaan yang boleh diterima oleh seluruh rakyat Persekutuan hendaklah dinyatakan keseluruhannya secara *verbatim* dalam Akta Pendidikan baru.³⁰

²⁷ Pusat Penyelidikan Pendidikan Jiao Zong, 1990 Nian Jiaoyu Fa'an zhenxiang, (Kebenaran Rang Undang-Undang Pendidikan 1990), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1990, hlm.4.

²⁸ Kenyataan Mengenai Pandangan asas PPLPSCM dan GPGSCM Mengenai Draf Rang Undang-Undang Pendidikan 1990, 5 September 1990.

²⁹ Kenyataan Mengenai Pandangan Asas PPLPSCM dan GPGSCM Mengenai Mukadimah Rang Undang-Undang Pendidikan 1990, 5 Oktober 1990; MICSS Working Committee, Pandangan Umum Tentang Rang Undang-Undang Pendidikan 1990, PPLPSCM, Kuala Lumpur, 1991, hlm.16. Rukunegara menyatakan dengan jelas bahawa Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; serta membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

³⁰ Kenyataan Mengenai Pandangan PPLPSCM, GPGSCM, DPCS, Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan Malaysia dan Nanyang University Alumni Association of Malaya Mengenai Mukadimah RUUP 1990, 8 Oktober 1990.

Berdasarkan pendirian dan pandangan sedemikian, 5 Hua Tuan mencadangkan mukadimah RUUP 1990 mesti memperakukan secara eksplisit bahawa sistem pendidikan kebangsaan haruslah mencakupi sistem yang lengkap bagi pendidikan ibunda berbagai kaum serta sekolah semua aliran termasuk sekolah swasta dan institusi pendidikan swasta boleh menggunakan bahasa ibunda kaum-kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar, tetapi menggunakan kurikulum yang setaraf dan peperiksaan yang sepadan.³¹

Mukadimah tersebut yang dibuat oleh 5 Hua Tuan ternyata memperlihatkan mereka masih tidak dapat menerima konsep bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah sebagai alat penting untuk memupuk semangat integrasi nasional dan perpaduan bangsa di kalangan pelbagai kaum dan etnik di negara ini. Mereka terus terang menolak matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan yang berpaksikan Laporan Razak, Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961 sebagai asas penggubalan akta pendidikan yang baru.³²

Selaras dengan semangat saranan mukadimahnya, 5 Hua Tuan telah mengemukakan satu memorandum kepada MPAP pada 7 Mac 1991. Memorandum tersebut menyatakan bahawa sistem pendidikan kebangsaan haruslah membenarkan mana-mana satu bahasa ibunda kaum rakyat di negara ini

³¹ Kenyataan Mengenai Pandangan PPLPSCM, GPGSCM, DPCS, Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan Malaysia dan Nanyang University Alumni Association of Malaya Mengenai Mukadimah RUUP 1990, 5 Oktober 1990.

³² Kenyataan Mengenai Pandangan asas PPLPSCM, GPGSCM dan DPCS Mengenai Draf Rang Undang-Undang Pendidikan 1990, 11 September 1990.

digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah atau institusi pendidikan sekiranya kaum berkenaan berhasrat demikian. Oleh itu, mereka mencadangkan supaya RUUP 1990 memperuntukkan dengan jelas bahasa pengantar utama di sekolah jenis kebangsaan adalah bahasa Cina atau bahasa Tamil atau bahasa ibunda kaum bukan Melayu yang lain di Malaysia. Di sekolah kebangsaan yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, kemudahan bagi pengajaran bahasa Cina atau Tamil atau bahasa ibunda kaum bukan Melayu yang lain hendaklah diadakan jika lima belas orang ibu bapa kanak-kanak di sekolah berkenaan memohonnya.³³

Dari segi kewajipan Menteri terhadap pendidikan, 5 Hua Tuan mengesyorkan Menteri Pendidikan bertanggungjawab untuk menyediakan dan menyenggarakan pendidikan rendah dan pendidikan menengah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di tempat-tempat yang memerlukannya dengan mengikut nisbah kadar pertumbuhan penduduk. Malahan Menteri hendaklah mengadakan peruntukan bagi memindahkan sebuah sekolah atau menubhukan cawangan sebuah sekolah. Sekiranya terdapat lebih daripada 100 orang ibu bapa memohon menubhukan sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan, dan sekolah menengah kerajaan atau bantuan kerajaan, Menteri hendaklah mengambil tindakan yang berkesan untuk menubhukan dan menyelenggarakannya.³⁴

³³ Pandangan Umum dan Cadangan Pindaan Tentang Rang Undang-Undang Pendidikan 1990, Memorandum dikemukakan oleh PPLPSCM, GPGSCM, DPCS, Persekutuan Persatuan Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan Malaysia dan Nanyang University Alumni Association of Malaya, 7 Mac 1991, Seksyen 19.

³⁴ Ibid., Seksyen 31 & 34.

Sungguhpun Seksyen 26(A) Akta Pelajaran 1961 dimansuhkan, namun 5 Hua Tuan masih mendesak kerajaan supaya menarik balik kuasa yang diberikan kepada Menteri untuk membubarkan lembaga pengurus sesebuah sekolah atau institusi pendidikan yang didapati melanggar peruntukan, perundangan atau arahan yang ditetapkan. Sebaliknya mereka mengesyorkan kuasa pembubaran tersebut digantikan dengan tindakan penyusunsemulaan.³⁵

Kesimpulannya, penubuhan MPAP jelas memperlihatkan kerajaan mengamalkan sikap yang demokratik dan liberal semasa menggubal akta pendidikan yang baru bagi menggantikan Akta Pelajaran 1961. MPAP telah memberi peluang yang sama kepada semua wakil dari pelbagai pertubuhan termasuk Hua Tuan untuk memberi pandangan dan cadangan mereka. Usul-usul dan memorandum-memorandum yang dikemukakan telah dijadikan maklum balas kepada Jawatankuasa Kabinet. Walau bagaimanapun, RUUP 1990 yang sepatutnya dibentangkan di Parlimen pada tahun 1990 telah ditangguhkan sehingga persidangan Parlimen pada bulan Disember 1995.

³⁵ Ibid., Seksyen 62.

SRJK(C) dan Rang Undang-Undang Pendidikan 1995

Isu penggubalan Akta Pendidikan yang baru bagi menggantikan Akta Pelajaran 1961 bergema semula pada tahun 1995 apabila Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak mendedahkan bahawa Rang Undang-Undang Pendidikan (RUUP) 1995 akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Jun 1995.³⁶ Pada 24 Julai 1995, beliau seterusnya memaklumkan bahawa semua ahli Jawatankuasa Pendidikan Kabinet berasa puas hati terhadap RUUP 1995 selepas mengkaji dan memeriksanya.

RUUP 1995 telah dikategorikan sebagai dokumen rasmi di bawah Akta Rahsia Rasmi. Oleh itu pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan tidak dapat mengetahui kandungannya. Mereka terpaksa mencari saluran lain dengan mengadakan pertemuan yang kerap dan rapi dengan wakil-wakil MCA dan Gerakan dalam Jawatankuasa Pendidikan Kabinet, iaitu Dr. Ting Chew Peh dan Dr. Lim Keng Yaik untuk mengetahui isi kandungan sebenar RUUP 1995.³⁷ Berdasarkan sumber-sumber yang diperolehi daripada kedua-dua pemimpin MCA dan Gerakan ini, 7 Hua Tuan³⁸ yang diketuai oleh Dong Jiao Zong telah

³⁶ Sin Chew Jit Poh, 16 Mei 1995.

³⁷ Siri pertemuan dan perbincangan antara wakil Dong Jiao Zong dengan MCA berkaitan dengan RUUP 1995 diadakan pada 7 Ogos 1995, 16 Ogos 1995, 9 Oktober 1995 dan 10 November 1995, manakala dengan Gerakan pada 2 Oktober 1995, 19 Oktober 1995 dan 7 November 1995.

³⁸ 7 Hua Tuan terdiri daripada PPLPSCM, GPGSCM, DPCS, Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan Malaysia, Nanyang University Alumni Association of Malaya, dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia.

menyatakan kebimbangan mereka terhadap perkembangan pendidikan Cina serta kedudukan Lembaga Pengelola Sekolah di SRJK(C) di bawah rang undang-undang pendidikan tersebut.³⁹ Justeru itu, 7 Hua Tuan meminta kerajaan supaya menangguhkan pembentangan RUUP 1995 di Dewan Rakyat. Sebaliknya ia diumumkan kepada masyarakat terutamanya pertubuhan-pertubuhan kebudayaan dan pendidikan dengan tujuan memberi peluang yang wajar kepada rakyat untuk meneliti dan memahami rang undang-undang pendidikan tersebut.⁴⁰

Pada dasarnya, 7 Hua Tuan tetap percaya bahawa "*an enlightened Education Act to take our nation into the 21st Century should encourage diversity and not restrict opportunities choice*".⁴¹ Justeru itu, 7 Hua Tuan menyeru Kerajaan agar meminda dan membentangkan suatu Akta Pendidikan baru yang selaras dengan harapan dan aspirasi rakyat terhadap pelaksanaan dasar pendidikan yang liberal, demokratik dan progresif. Di samping itu, mereka juga menyeru Kerajaan supaya memastikan fasal-fasal yang mengganggu-gugat kewujudan dan perkembangan pendidikan bahasa ibunda di negara ini tidak terkandung di dalam RUUP 1995.⁴²

³⁹ Kenyataan 7 Hua Tuan Mengenai Rang Undang-Undang Pendidikan 1995, 6 Oktober 1995, Kenyataan GPGSCM Mengenai Rang Undang-Undang Pendidikan 1995, 15 Oktober 1995, Kenyataan 7 Hua Tuan Mengenai Rang Undang-Undang Pendidikan 1995, 10 November 1995.

⁴⁰ Fail GPGSCM/RUUP 1995, Surat dari Dong Jiao Zong kepada Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Abdul Razak, 12 Oktober 1995, GPGSCM, Kuala Lumpur

⁴¹ Memorandum on the Education Bill 1995, Submitted by Dong Jiao Zong to the Prime Minister Datuk Dr Mahathir, Oktober 1995, hlm. 10

⁴² Fail GPGSCM/RUUP 1995, Surat dari 7 Hua Tuan kepada Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Abdul Razak, 11 November 1995, GPGSCM, Kuala Lumpur

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Pendidikan Dr. Fong Chan Onn telah membuat jaminan kepada masyarakat Cina bahawa Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 yang mengancam kedudukan SRJK(C) dimansuhkan serta Lembaga Pengelola SRJK(C) terus dikekalkan.⁴³ Dalam sidang akhbar khas selepas Jawatankuasa Pendidikan Kabinet meluluskan RUUP 1995, Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak juga memberi jaminan buat pertama kalinya kepada masyarakat Cina bahawa Lembaga Pengelola SRJK(C) dan SRJK(T) pasti dikekalkan di bawah RUUP 1995.⁴⁴

Walau bagaimanapun, jaminan-jaminan tersebut masih tidak dapat menghilangkan kegelisahan dan kebimbangan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Memandangkan RUUP 1995 akan dibentangkan di Dewan Rakyat dalam masa yang terdekat, 7 Hua Tuan telah memanggil satu persidangan di Kajang pada 19 November 1995 bagi membincangkan kesan dan implikasi rang undang-undang pendidikan tersebut ke atas pendidikan Cina. Persidangan yang dihadiri oleh perwakilan-perwakilan dari 201 buah Hua Tuan dan 550 perwakilan perseorangan telah mendesak kerajaan supaya mengumumkan rang undang-undang pendidikan berkenaan bagi membolehkan rakyat memberikan pendapat sehingga penyelesaian secara demokratik dan musyawarah tercapai. Sementara itu, persidangan juga menggesa kerajaan jaminan-jaminan yang telah diberikan oleh kerajaan dan Menteri-Menteri berhubung dengan pendidikan Cina dan SRJK(C)

⁴³ Nanyang Siang Pau, 27 Oktober 1995.

⁴⁴ Sin Chew Jit Poh, 17 November 1995.

harus diperuntukkan secara bertulis dalam RUUP 1995 bagi memastikan kewujudan dan perkembangan bahasa ibunda dan kebudayaan berbilang kaum disokong dan dipelihara.⁴⁵

Walaupun terdapat tuntutan dan tekanan dari 7 Hua Tuan, namun kerajaan tetap tidak berganjak. Seperti yang dijadualkan, RUUP 1995 telah dibentangkan untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat pada 7 Disember 1995. 7 Hua Tuan mendapati jaminan-jaminan secara lisan yang dibuat oleh Menteri Pendidikan kepada masyarakat Cina tidak termaktub di dalam RUUP 1995.⁴⁶ Setelah menganalisis secara mendalam, para peguam 7 Hua Tuan berpendapat bahawa RUUP 1995 yang bertunjangkan konsep sistem pendidikan kebangsaan ke arah memantapkan status dan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama tidak memberi perlindungan undang-undang kepada SRJK(C), walaupun Seksyen 21(2) dan 26(A) Akta Pelajaran 1961 tidak lagi wujud.⁴⁷

Dalam keadaan yang mendesak ini, “Perhimpunan Hua Tuan Malaysia Bagi Menuntut Hak Pendidikan Cina” anjuran 7 Hua Tuan dilangsungkan di Kajang pada 17 Disember 1995, iaitu sehari sebelum RUUP 1995 dibentangkan untuk bacaan kedua. Perhimpunan yang mendapat sambutan daripada lebih

⁴⁵ 1995 Nian Jiaoyu Faling ziliaoshouce, (Buku Panduan Mengenai Maklumat Akta Pendidikan 1995), Jawatankuasa Seminar Pendidikan Cina 1996, Kuala Lumpur, Mac 1996, hlm.59; Nanyang Siang Pau, 20 November 1995.

⁴⁶ Kenyataan 7 Hua Tuan Mengenai Rang Undang-Undang Pendidikan 1995, 7 Disember 1995.

⁴⁷ Kenyataan 7 Hua Tuan Mengenai Rang Undang-Undang Pendidikan 1995, 9 Disember 1995.

daripada 2000 perwakilan dari 307 Hua Tuan itu telah meminta kerajaan supaya menggubal suatu Akta Pendidikan yang dapat diterima oleh seluruh rakyat. Selain itu, persidangan juga mendesak Parlimen menangguhkan kelulusan RUUP 1995 serta meminta ahli-ahli Parlimen membuang undi tolak sekiranya Parlimen mengadakan pengundian.⁴⁸

Bagaimanapun, usaha-usaha 7 Hua Tuan tidak mendatangkan sebarang hasil memandangkan RUUP 1995 dibentangkan bagi bacaan kedua di Dewan Rakyat pada 18 Disember 1995 dan diluluskan pada 20 Disember 1995. RUUP 1995 kemudiannya diwartakan pada 1 Ogos 1996 sebagai Akta Pendidikan 1996.⁴⁹ Tujuan rang undang-undang pendidikan tersebut ialah ke arah memantapkan sistem pendidikan kebangsaan untuk generasi akan datang sejajar dengan kehendak dan cita-cita negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang bermutu tinggi dan bertaraf dunia serta mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Walaupun RUUP 1995 merupakan perundangan yang baru, namun ia menampilkan kesinambungan kepada hasrat dan dasar pendidikan kebangsaan yang termaktub dalam Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961.

⁴⁸ Resolusi Perhimpunan Hua Tuan Malaysia Bagi Menuntut Hak Pendidikan Cina, Dong Jiao Zong, Kajang, 1995.

⁴⁹ Untuk keterangan lanjut, lihat Malaysia, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Percetakan Nasional Malaysia Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1996.

Pada dasarnya, RUUP 1995 telah mencadangkan dua perubahan struktur yang baru bagi memantapkan lagi konsep sistem pendidikan kebangsaan. Pertama, ialah RUUP 1995 telah mengiktiraf semua jenis dan kategori institusi pendidikan sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Dalam hal ini, Seksyen 15 memperjelaskan bahawa komponen sistem pendidikan kebangsaan adalah terdiri daripada semua peringkat persekolahan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi.⁵⁰ Sementara itu, Seksyen 16 mempernyatakan tiga kategori institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan yang meliputi institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta.⁵¹ Ini bermakna semua jenis dan kategori sekolah adalah tertakluk kepada dasar pendidikan kebangsaan. Oleh itu semua peringkat institusi pendidikan sama ada yang dibiayai oleh kerajaan secara sepenuhnya atau sebahagiannya mahupun sekolah swasta, adalah terikat kepada segala peraturan dan peruntukan RUUP 1995.

Perubahan yang kedua pula, RUUP 1995 memperuntukkan buat pertama kalinya dengan jelas tiga ciri utama dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan, iaitu bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, satu kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Misalnya, mukadimah RUUP 1995 dengan jelas menegaskan pembentukan “suatu sistem pendidikan kebangsaan yang

⁵⁰ Malaysia, Education Bill 1995, Ministry Education of Malaysia, Kuala Lumpur, 1995, Seksyen 15. Bagaimanapun, sekolah ekspatriat tidak dijadikan sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan.

⁵¹ Ibid., Seksyen 16.

memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama...”⁵²

Apabila dikaji RUUP 1995 tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan dan martabat bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan telah diperkuuh dan diperteguh lagi dari prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 17(1) bahawa “Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini.”⁵³ Seksyen tersebut memperkuatkan lagi kedudukan Bahasa Kebangsaan dengan menjadikannya sebagai mata pelajaran yang wajib diajar di semua sekolah dan institusi pendidikan.⁵⁴

Sebelum ini dalam Akta Pelajaran 1961, bahasa kebangsaan tidak pernah diperuntukkan dengan jelas sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah, melainkan di sekolah kerajaan serta bahasa kebangsaan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan swasta. Tegasnya, kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan telah diperkuuhkan. Ini telah dinyatakan sendiri oleh Menteri Pendidikan, Dato’ Seri

⁵² Ibid., Mukadimah.

⁵³ Ibid., Seksyen 17(1).

⁵⁴ Ibid., Seksyen 17(2).

Najib Tun Razak semasa membentangkan RUUP 1995 di Dewan Rakyat. Beliau telah menegaskan bahawa:

“Kepada pejuang dan pencinta bahasa, ingin saya ulangi bahawa kedudukan, martabat, dan maruah Bahasa Kebangsaan kita, tidak akan berkurang sezarahpun, dan tidak akan berlaku penghakisan status bahasa. Malahan, melaui Rang Undang-Undang ini, Bahasa Kebangsaan kita akan diperkuuh dan diperteguh lagi, dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi. Jika langkah seperti inipun dianggap ‘kurang bahasa’, bagaimana lagi harus kita ‘berbahasa’?”⁵⁵

Bagi mewujudkan keperibadian kebangsaan dalam mencapai matlamat perpaduan negara, Seksyen 18 RUUP 1995 memperuntukkan supaya Kurikulum Kebangsaan digunakan oleh semua jenis dan kategori sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan termasuk yang dibiayai oleh pihak swasta, melainkan dikecualikan.⁵⁶ Sementara itu, Seksyen 19 telah memperuntukkan semua jenis dan kategori sekolah menyediakan murid untuk mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, melain yang dikecualikan.⁵⁷

Tegasnya sistem pendidikan kebangsaan di bawah RUUP 1995 bukan sahaja terdiri daripada institusi pendidikan yang dibiayai oleh kerajaan tetapi juga merangkumi institusi pendidikan yang dibiayai oleh pihak swasta di semua

⁵⁵ Ucapan Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan Malaysia, semasa membentangkan Rang Undang-Undang Pendidikan 1995 bagi bacaan kali yang kedua di Dewan Rakyat pada 18 Disember 1995, hlm.12.

⁵⁶ Malaysia, Education Bill 1995, Seksyen 18.

⁵⁷ Ibid., Seksyen 19.

peringkat pendidikan. Semua jenis institusi pendidikan dan kategori institusi pendidikan ini perlu mencerminkan ciri asas keperibadian kebangsaan dengan menggunakan kurikulum kebangsaan, bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama melainkan dikecualikan, di samping menyediakan pelajar untuk menduduki peperiksaan awam.

Di samping memberi pengiktirafan pada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, RUUP 1995 dalam masa yang sama juga mengekalkan dan mempertahankan pertumbuhan bahasa dan kebudayaan masyarakat lain yang tinggal di negara ini. Ini menunjukkan kerajaan memang bersikap liberal, adil dan peka terhadap kepentingan kaum dan mengambil kira sensitiviti masyarakat yang berbilang kaum. Perkara ini telah diakui sendiri oleh Kementerian Pendidikan bahawa “Menyedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, dan berdasarkan permuafakatan politik yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara dahulu, RUUP 1995 mengambil kira kepentingan semua kaum...”⁵⁸

Berdasarkan kesahaman dan pegangan prinsip ini, RUUP 1995 telah mengekalkan status quo SRJK(C) dan SRJK(T) di dalam sistem pendidikan kebangsaan dan ini merupakan satu ciri yang diwarisi dari pemerintahan penjajah. Oleh itu, Seksyen 2 diperuntukkan “Sekolah Jenis Kebangsaan” sebagai sekolah yang menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar, manakala

⁵⁸ Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Rang Undang-Undang Pendidikan 1995, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1996, hlm.iii.

bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib.⁵⁹ Ia sekali gus memberi jaminan perundangan bahawa tiada sebarang usaha yang boleh menyekat penggunaan bahasa Cina dan Tamil daripada menjadi bahasa pengantar di SRJK.

Selain itu, Kedudukan SRJK(C) dan SRJK(T) telah diperkuuhkan dengan memperuntukkan bahawa “mana-mana institusi pendidikan, pengelola, pengurus atau pekerja yang berdaftar atau ditafsirkan berdaftar di bawah peruntukan Akta Pelajaran 1961 hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan sebagai berdaftar di bawah Akta ini...”, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 151.⁶⁰ Ini bermakna status quo SRJK(C) dan SRJK(T) serta Lembaga Pengelola sekolah-sekolah berkenaan dikenakan sama seperti yang terdapat di bawah Akta Pelajaran 1961.

Sebagai jaminan tambahan kepada pengekalan status quo dan identiti SRJK(C) dan SRJK(T), Seksyen 28 diperuntukkan bahawa “Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyenggarakan sekolah-sekolah itu.”⁶¹ Sementara bagi mengekalkan status quo Lembaga Pengelola SRJK, Seksyen 53(1) yang memperuntukkan “Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap

⁵⁹ Malaysia, Education Bill 1995, Seksyen 2.

⁶⁰ Ibid., Seksyen 151.

⁶¹ Ibid., Seksyen 28.

institusi pendidikan hendaklah mempunyai suratcara pengelolaan” serta Seksyen 53(3) yang mempernyatakan “Subseksyen(1) tidaklah terpakai bagi institusi pendidikan kerajaan kecuali sekolah jenis kebangsaan dan sekolah-sekolah yang ditentukan oleh Menteri”.⁶² Sementara Seksyen 62(1) RUUP 1995 pula memperuntukkan supaya Lembaga Pengelola atau Lembaga Pengurus SRJK(C) dan SRJK(T) tidak dibubarkan.⁶³

Seperkara yang perlu ditegaskan ialah kontroversi Seksyen 21(2) dan 26(A) Akta Pelajaran 1961 nampaknya telah berakhir. Kerajaan BN yang diterajui UMNO telah menunjukkan sikap liberal apabila bersetuju dengan cadangan MPAP untuk memansuhkan peruntukan Seksyen 21(2) dan 26(A) tersebut. Sekaligus ia telah memberi perlindungan undang-undang kepada SRJK daripada kemungkinan Menteri Pendidikan menggunakan kuasanya untuk mengubah corak dan status sekolah kepada SRK serta membubarkan Lembaga Pengelola sekolah berkenaan. Dari perspektif liberalisasi pendidikan, keputusan kerajaan memansuhkan Seksyen 21(2) dalam Akta Pelajaran 1961 adalah selaras dengan prinsip memberi peluang yang seluas-luasnya kepada setiap individu untuk mendapat pendidikan awal pilihan sendiri.⁶⁴

⁶² *Ibid.*, Seksyen 53.

⁶³ *Ibid.*, Seksyen 62(1).

⁶⁴ Temuduga dengan Dr. Wan Chik Rahman Wan Din, Pengarah Institut Aminuddin Baki, (bekas Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia) di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands pada 9 November 2000.

RUUP 1995 tidak diterima dengan sepenuhnya oleh rakyat di negara ini. Di Parlimen, tentang orang Melayu terhadap RUUP 1995 telah dipelopori oleh Semangat 46. Tema utama di kalangan pemimpin Semangat 46 apabila mereka membahaskan RUUP 1995 ialah tuntutan bahawa hanya bahasa kebangsaan dijadikan bahasa pengantar yang tunggal di semua sekolah yang mendapat bantuan dari kerajaan. Misalnya Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah telah menuduh RUUP 1995 merendahkan martabat Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal bagi semua institusi pendidikan di negara ini. Katanya,

“...Inilah yang tersurat di dalam seksyen 17(1) rang undang-undang ini. Seksyen ini menyatakan kedudukan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, tetapi seksyen ini juga turut memberi kuasa kepada menteri untuk mengecualikan penggunaanya oleh mana-mana institusi pengajian kita... Apakah makna kata-kata ini? Apakah ia melambangkan kesungguhan untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan atau ia permulaan sikap tolak ansur kita dan seterusnya membenarkan kedudukan Bahasa Kebangsaan kita musnah? Atau ia permulaan kepada usaha untuk melenyapkan cita-cita Allahyarham Tun Razak untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua peringkat?”⁶⁵

Ulasan pemimpin Semangat 46 tersebut memberi implikasi bahawa hanya satu bahasa pengantar sahaja digunakan dalam semua jenis sekolah. Menurut Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Tun Razak, tuntutan tersebut membawa

⁶⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.62, 18 Disember 1995, hlm.127.

makna bahawa SRJK(C) dan SRJK(T) serta SMPC hendaklah dihapuskan sama sekali.⁶⁶

Pemberian kuasa yang berlebihan kepada Menteri yang didakwa kononya boleh menghapuskan kemurnian RUUP 1995 untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan juga mendatangkan tentangan hebat dari Semangat 46. Peruntukan yang dimaksudkan itu ialah Seksyen 143 yang mempernyatakan bahawa:

“Menteri boleh, jika difikirkan wajar dan demi kepentingan sesuatu institusi pendidikan atau demi kepentingan murid atau awam, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengecualikan institusi pendidikan atau mana-mana golongan atau golongan-golongan institusi pendidikan daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini kecuali peruntukan tentang pendaftaran, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau mengkensel atau mengubah atau menambah syarat-syarat itu.”⁶⁷

Sehubungan itu, Sukri Mohamad, ahli Parlimen Semangat 46 bagi kawasan Machang mempertikaikan mengapa ada pengecualian di bawah seksyen tersebut yang mengugat kedudukan Bahasa kebangsaan sebagai bahasa tunggal di institusi pendidikan jika kerajaan bersikap tegas hendak mendaulatkan bahasa kebangsaan. Katanya,

⁶⁶ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.64, 20 Disember 1995, hlm.43.

⁶⁷ Malaysia, Education Bill 1995, Seksyen 43.

“Kesemua hasrat meletakkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa unggul itu langsung tidak memberi apa-apa makna bila ada pengecualian tersebut... Ini bermakna kuasa Menteri boleh mengecualikan penggunaan bahasa, mengecualikan kurikulum, boleh mengecualikan bahasa pengantar, kecuali pendaftaran sahaja yang tidak boleh.”⁶⁸

Walaupun tuntutan dan tekanan telah dibuat oleh S46, pihak kerajaan masih berdiri teguh dengan dasarnya. Dalam hal ini, Menteri Pendidikan Dato’ Seri Najib Tun Razak membidas pemimpin Semangat 46 kerana sengaja hendak menjadikan bahasa kebangsaan sebagai isu politik. Beliau mempertahankan bahawa kedudukan bahasa kebangsaan telah dipertingkatkan melalui RUUP 1995 yang diperuntukkan buat pertama kalinya bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua jenis dan kategori sekolah serta menjadikan mata pelajaran wajib di institusi pendidikan swasta.⁶⁹

Berhubung dengan perkara pemberian kuasa kepada Menteri, Timbalan Menteri Pendidikan Dato’ Mohd. Khalid Mohd. Yunus telah menerangkan bahawa kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri adalah perlu untuk mengawal selia perjalanan sekolah dan institusi pendidikan agar sistem pendidikan kebangsaan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna. Beliau menasihatkan semua pihak supaya tidak perlu bimbang terhadap pemberian kuasa itu kerana

⁶⁸ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.63, 19 Disember 1995, hlm.163.

⁶⁹ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.64, 20 Disember 1995, hlm.60.

Menteri Pendidikan senantiasa bertindak sebagai anggota Kabinet dan biasanya mengambil keputusan secara kolektif dan permuafakatan.⁷⁰

Satu lagi perkara yang tidak dipersetujui oleh Semangat 46 ialah berhubung dengan pemansuhan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Wakil-wakil Parlimen dari Semangat 46 amat lantang menentangnya. Mereka gusar pengaruh SRJK akan meluas sehingga mendominasi sistem pendidikan kebangsaan dan melangkaui sistem pendidikan menerusi Sekolah Kebangsaan yang sepatutnya menjadi teras. Justeru itu, mereka meminta kerajaan supaya ruang pernafasan SRJK disempitkan.

Sehubungan itu, Tengku Razaleigh menyatakan kekecewaannya terhadap keputusan kerajaan untuk memansuhkan seksyen tersebut. Beliau mempersoalkan kenapa kerajaan BN memberi perlindungan undang-undang kepada SRJK(C) dan SRJK(T) yang dikekalkan status quonya menerusi RUUP 1995. Memetik katanya di Dewan Rakyat, “Kontroversi Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 nampaknya akan berakhirnya kerana seksyen seperti ini sudah tidak ada lagi dalam RUUP baru.”⁷¹ Sementara itu, Sukri Mohamad, ahli Parlimen Semangat 46 bagi kawasan Machang mempersoalkan niat kerajaan dan menuduh UMNO tidak lagi bercita-cita dalam perjuangannya untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa

⁷⁰ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Negara, Parlimen Kesembilan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.22, 28 Disember 1995, hlm.125.

⁷¹ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.62, 18 Disember 1995, hlm.126.

pengantar tunggal dalam sistem pendidikan kebangsaan.⁷² Beliau juga menyifatkan pemansuhan tersebut sebagai suatu pengorbanan yang keterlaluan dan mengadai maruah.”⁷³

Di samping membantah kuat terhadap pemansuhan Seksyen 21(2) tersebut, Ilani Dato’ Hj. Isahah, ahli Parlimen Semangat 46 bagi kawasan Kota Bahru pula mendesak kerajaan supaya mengarahkan mata-mata pelajaran yang tidak kena-mengena dengan bahasa atau kebudayaan di SRJK(C) dan SRJK(T) diajar dalam Bahasa Kebangsaan. Katanya, “Apa salahnya murid Tionghua dan Tamil mempelajari Matematik, Sains, Geografi atau Sejarah dalam Bahasa Kebangsaan. Apakah Bahasa Kebangsaan begitu hina, sehingga mata-mata pelajaran ini pun tak boleh diajar dalam Bahasa Kebangsaan?”⁷⁴

Bagaimanapun, Naib presiden PAS, Abdul Hadi Awang menyokong pemansuhan Seksyen 21(2) tersebut. Beliau berpendapat SRJK perlu dikekalkan kerana ia adalah hak mereka untuk mempelajari bahasa ibunda mereka.⁷⁵ Sementara itu, Lim Kit Siang juga mengalu-alukan pemansuhan Seksyen 21(2) tersebut. Katanya, “dalam tahun-tahun 1960-an dan awal 70-an, DAP dianggap sebagai ekstremis, cauvinis, anti-nasional serta pembangkang yang *divisive*,

⁷² Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.63, 19 Disember 1995, hlm.97.

⁷³ Ibid., hlm.160.

⁷⁴ Ibid., hlm.120.

⁷⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.62, 18 Disember 1995, hlm.127.

negatif dan destruktif kerana mencadangkan supaya Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 dimansuhkan. Akan tetapi kini kerajaan pula yang mencadangkan seksyen tersebut dimansuhkan. Ini membuktikan cadangan DAP paling berpandangan jauh dan konstruktif.⁷⁶

Sebagai wakil dari kerajaan BN, Ruhanie Ahmad, ahli Parlimen dari UMNO bagi kawasan Parti Sulong menyatakan sokongannya kepada usaha kerajaan BN untuk merangkumi sensitiviti kepelbagaian bahasa di Malaysia ke dalam sistem pendidikan negara, tanpa sekali-kali menghapuskan martabat bahasa Melayu seperti yang tercatat di dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.⁷⁷ Manakala Othman Abdul dari kawasan Pendang mempertahankan pendirian kerajaan itu. Sebagaimana yang ditekankan oleh beliau di Dewan Rakyat apabila membahaskan RUUP 1995, “Kita harus memikirkan realiti rakyat Malaysia yang ada, realiti rakyat harus difikirkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan BN. Kami orang UMNO memahami hasrat, cita rasa rakan-rakan daripada MCA, MIC, Gerakan dalam komponen BN.”⁷⁸

MCA dan Gerakan sependapat bahawa status quo SRJK(C) dan Lembaga Pengelola SRJK(C) adalah jelas terjamin di bawah Seksyen 151.⁷⁹ Lebih-lebih

⁷⁶ Ibid., hlm.100.

⁷⁷ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.63, 19 Disember 1995, hlm.44.

⁷⁸ Ibid., hlm.100.

⁷⁹ Nanyang Siang Pau, 18 Jun 1997.

lagi, menurut MCA, minit mesyuarat Kabinet telah mencatatkan dengan jelas bahawa “di bawah RUUP 1995, bahasa pengantar utama SRJK(C) adalah bahasa Cina. Menteri-menteri MCA, Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan dan Kabinet turut bersama-sama menjamin SRJK(C) terus kekal menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama”.⁸⁰ Pada keseluruhannya, Dr. Ting Chew Peh, Setiausaha Agung MCA merangkap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpendapat RUUP 1995 “menyediakan keadaan dan skop lebih baik untuk pembangunan pendidikan Cina”.⁸¹

Bagaimanapun, 7 Hua Tuan melihat RUUP 1995 dengan penuh kecewa. Mereka membuat kenyataan yang lantang terhadap RUUP 1995 dan menolaknya sama sekali. Pada dasarnya mereka menganggap RUUP 1995 merupakan satu muslihat kerajaan untuk mewujudkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal dalam sistem pendidikan kebangsaan. Di antara sebab-sebab yang diutarakan ialah mukadimah RUUP 1995 telah meletakkan “*ultimate objective*” Akta Pelajaran 1961 sebagai matlamat pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan yang menuju ke arah penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa

⁸⁰ Mahua Gonghui dui 1995 Nian Jiaoyu Fa'an zhi shengming, (Kenyataan MCA Mengenai Rang Undang-Undang Pendidikan 1995), Biro Pendidikan MCA, Kuala Lumpur, 1996, hlm.6.

⁸¹ Minit Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-42 di Conference Hall, Tunku Abdul Rahman College, Kuala Lumpur pada 2 September 1995, MCA Headquarters, Kuala Lumpur, 1995, hlm.6.

pengantar utama di semua aliran sekolah termasuk sekolah atau institusi pendidikan swasta.⁸²

Para peguam 7 Hua Tuan juga berpendapat bahawa Seksyen 17(1) tidak memberi apa-apa perlindungan secara eksplisit kepada SRJK(C). Ini kerana seksyen tersebut membawa implikasi SRJK(C) yang sedia ada serta semua institusi pendidikan lain yang pada masa itu menggunakan bahasa lain daripada Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama akan tergugat, melainkan dikecualikan.⁸³

Selain itu, 7 Hua Tuan juga merasa curiga terhadap Seksyen 28 yang bersabit dengan status quo SRJK(C) serta Seksyen 143 yang diperuntukkan kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengecualikan institusi pendidikan. Para peguam 7 Hua Tuan berpendapat bahawa Seksyen 28 tidak melindungi SRJK(C) yang sedia ada, walaupun sekolah rendah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen tersebut dikecualikan daripada penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Mereka mempertikaikan bahawa semua SRJK(C) yang sedia ada adalah bukan ditubuhkan oleh Menteri Pendidikan di bawah rang undang-undang pendidikan yang baru itu. Dalam hal ini, Kerk Kim Hock, Setiausaha Agung DAP turut sependapat dengan 7 Hua Tuan. Belaiu

⁸² Temuramah dengan Dr Ang Tian Tse, Pengetua Kolej New Era di Pejabat Kolej New Era, Kajang pada 7 Disember 1999.

⁸³ Memorandum Mengenai Pandangan Bersama Terhadap Draf Rang Undang-Undang Pendidikan 1995, dikemukakan oleh Dong Jiao Zong kepada Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Abdul Razak pada 12 Oktober 1995.

menyatakan bahawa setakat itu “belum pun ada satu sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28”.⁸⁴

Dengan kata lain, SRJK(C) yang sedia ada mahu tidak mahu dikehendaki memperoleh pengecualian daripada Menteri Pendidikan untuk menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Lebih-lebih lagi, pengecualian itu masih boleh dibatalkan atau diubah atau ditambah syarat-syarat pada bila-bila masa menurut budi bicara Menteri Pendidikan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 143.⁸⁵ Ini bererti sekiranya Menteri membatalkan pengecualian tersebut, SRJK(C) dikehendaki menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama. Maka 7 Hua Tuan menganggap peruntukan itu mempunyai fungsi yang sama seperti Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Oleh yang demikian, 7 Hua Tuan membuat rumusan bahawa “*Under the 1995, mother tongue education will no longer be our right but will only exist at the behest of the Minister*”.⁸⁶ Tegasnya 7 Hua Tuan beranggapan bahawa RUUP 1995 masih belum “...settled the hearts of the Chinese and Tamil communities”.⁸⁷

⁸⁴ Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Kesepuluh, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, Jilid II, Bil.71, 23 November 2000, hlm.128.

⁸⁵ Kenyataan 7 Hua Tuan Mengenai Rang Undang-Undang Pendidikan 1995, 7 Disember 1995.

⁸⁶ Memorandum on the Education Bill 1995, Submitted by The Seven Major Chinese Associations of Malaysia to the Education Minister YB Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak on 15 December 1995, hlm.2.

⁸⁷ Ibid., hlm.3.

Dinilai dari sudut kedudukan Lembaga Pengelola pula, 7 Hua Tuan menyambut baik pemansuhan Seksyen 26(A) Akta Pelajaran 1961. Namun demikian, pasukan peguam 7 Hua Tuan mendapati wujudnya peruntukan dalam RUUP 1995 yang boleh menjaskan kedudukan dan kuasa autonomi Lembaga Pengelola SRJK(C).⁸⁸ Di antaranya termasuklah Menteri Pendidikan berkuasa untuk melantik pengelola tambahan bagi institusi pendidikan⁸⁹ menggantung atau membuang kerja pengelola yang didapati oleh Menteri tidak menunaikan kewajipan yang dikenakan⁹⁰ serta membubarkan lembaga pengelola institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan yang melanggar peraturan atau peruntukan Akta.⁹¹

Tegasnya 7 Hua Tuan menolak konsep sistem pendidikan kebangsaan yang termaktub dalam RUUP 1995 dengan meletakkan matlamat bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama sebagai agenda utamanya. Mereka mendakwa bahawa peruntukan tersebut serta kuasa yang diberikan kepada Menteri yang begitu luas sebenarnya bertujuan untuk menggugat perkembangan dan perwujudan SRJK(C).

Sebagai kesimpulannya, RUUP 1995 telah memperkuuh dan memperteguh lagi sistem pendidikan kebangsaan seperti yang diasaskan mengikut

⁸⁸ Ibid.

⁸⁹ Malaysia, Education Bill 1995, Seksyen 56.

⁹⁰ Ibid., Seksyen 58.

⁹¹ Ibid., Seksyen 59.

perakuan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Konsep sistem pendidikan kebangsaan bukan sahaja diperluaskan cakupannya dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat tinggi, tetapi juga merangkumi semua institusi pendidikan yang dibiayai oleh kerajaan dan swasta. Matlamat akhir sistem pendidikan kebangsaan seperti yang dinyatakan dalam RUUP 1995 ialah berusaha ke arah mencapai perpaduan masyarakat melalui satu sistem pendidikan yang bercorak kebangsaan berdasarkan satu bahasa pengantar rasmi, satu kurikulum kebangsaan serta peperiksaan yang seragam.

Perlu diakui bahawa RUUP 1995 telah digubal dengan mengambil kira aspirasi, kepentingan dan sensitiviti semua kaum di Malaysia. Sesungguhnya, RUUP 1995 telah memberi penekanan pada proses kesinambungan dari perubahan secara keseluruhan. Di samping memperkuuhkan Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat pendidikan, RUUP 1995 juga menjamin penggunaan bahasa-bahasa ibunda yang lain. Ia menyokong kewujudan tiga aliran bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah. Tambahan lagi, pemansuhan Seksyen 21(2) dan 26(A) Akta Pelajaran 1961 membuktikan keikhlasan kerajaan untuk tidak menghapuskan SRJK(C) dan SRJK(T), melainkan sekolah-sekolah yang melanggar peraturan dan sekatan. Tegasnya kedudukan dan status semua SRJK(C) dan SRJK(T) sudah termaktub dalam undang-undang negara.

Bagaimanapun bagi parti Semangat 46, persoalan bahasa kebangsaan dan kedudukannya dalam sistem pendidikan kebangsaan bukanlah satu isu yang boleh dikrompomikan. Parti tersebut mempertikaikan niat kerajaan dalam memartabatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal dalam sistem pendidikan kebangsaan. Secara bertentangan, Hua Tuan pula berusaha untuk mempertahankan pendidikan Cina dengan menolak sama sekali pembentukan suatu sistem pendidikan kebangsaan yang bertujuan untuk memantapkan status dan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama bagi semua peringkat institusi pendidikan.